

11/12/2000

Imam dakwa nombor parti jamin masuk syurga

IPOH, Ahad - Surau di beberapa kawasan perumahan di bandar ini turut disalahgunakan pembangkang untuk memburukkan kerajaan, terutama ketika sesi tazkirah selepas empat rakaat pertama sembahyang sunat tarawih.

Malah, imam yang memberi tazkirah itu berterus terang berkempen apabila mendakwa sesiapa yang mendaftar parti yang diwakilinya boleh masuk syurga dengan senang kerana sudah ada nombor keahlian.

Mereka yang belum mendaftar perlu segera mendaftar sebelum mati. Imam terbabit dikatakan turut menyentuh isu pilihan raya kecil Lunas, Kedah.

Tindakan itu bukan saja mencemarkan kesucian Ramadan malah menyebabkan ada jemaah meninggalkan surau terbabit kerana tidak tahan mendengar kejian keterlaluan pihak berkenaan.

Antara surau yang dikesan disalahgunakan ketika sembahyang sunat tarawih ialah surau Taman Pakatan Jaya, Bercham dan Simpang Pulai dekat sini.

Seorang jemaah surau Taman Pakatan Jaya yang enggan namanya disiarkan berkata, walaupun imam memberi tazkirah tidak menyebut mana-mana parti pembangkang, cara pengucapan serta laungan takbir sesetengah jemaah sudah cukup memberi gambaran parti yang disokongnya.

"Ucapan imam dengan nada bersungguh-sungguh disambut laungan takbir. Ada kalangan jemaah mengeleng-gelengkan sebelum meninggalkan surau.

"Ini menggambarkan kekecewaan jemaah yang ikhlas menunaikan ibadah di bulan puasa tetapi tidak tahan mendengar celaan itu," katanya.

Menurutnya, imam yang membaca tazkirah pada malam itu seakan mempersendakan soal mati dan syurga apabila mengatakan mereka yang mendaftar parti tertentu mudah masuk syurga.

"Imam itu dengan nada bersahaja berkata siapa sudah mendaftar (masuk parti) senanglah (masuk syurga) sebab sudah ada nombor keahlian tetapi siapa yang belum daftar perlu mendaftar segera sebelum mati.

"Imam itu juga menyentuh isu pilihan raya kecil Lunas malah mendakwa ada wanita yang datang ke markas mereka mengakui anak mereka masuk Kristian tetapi gembira kerana mendapat wang," katanya.

Sementara itu, seorang jemaah sebuah surau di Simpang Pulai mengakui seorang imam luar mengadakan tazkirah di situ minggu lalu turut menyentuh isu Lunas.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan ada masjid menggunakan kesempatan tazkirah selepas empat rakaat pertama sunat tarawih untuk memburukkan kerajaan dan berkempen bagi parti pembangkang.

Perdana Menteri menyifatkan tindakan itu seperti yang berlaku di masjid di Subang itu jelas menyalahgunakan masjid sebagai tempat umat Islam menunaikan ibadat.

(END)